



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA

KENYATAAN MEDIA

**PANDUAN PENGENDALIAN KES-KES DI MAHKAMAH SELURUH MALAYSIA
BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI BAWAH AKTA
PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT 1988 DAN AKTA POLIS 1967**

Bagi memastikan akses kepada keadilan (*access to justice*) dan selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 dan Akta Polis 1967 yang telah diumumkan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri pada 16 Mac 2020 yang melibatkan penutupan premis kerajaan, berikut adalah panduan pengendalian kes-kes di mahkamah seluruh Malaysia bermula 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020:

a) **Perbicaraan / Pendengaran Kes Sivil dan Jenayah**

Semua perbicaraan / pendengaran kes sivil dan jenayah sepanjang tempoh 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 adalah ditangguhkan dan penetapan tarikh perbicaraan / pendengaran yang baharu akan dimaklumkan kemudian.

b) **Pemfailan / Pengurusan Kes Sivil**

- i) Bagi mahkamah yang menggunakan sistem eKehakiman, pemfailan kes-kes sivil baharu / notis rayuan dan dokumen-dokumen akan berjalan seperti biasa melalui sistem eFiling.
- ii) Bagi mahkamah yang tidak mempunyai sistem eKehakiman, pemfailan kes-kes sivil baharu dan dokumen-dokumen akan hanya diterima mulai

- 1 April 2020. Bagi kes-kes Mahkamah Sesyen yang memerlukan kesegeraan, pemfailan boleh dibuat di mahkamah berdekatan yang mempunyai sistem eKehakiman di negeri berkenaan. Sebagai contoh, bagi kausa tindakan di Bangi, kes tersebut boleh difailkan melalui sistem eKehakiman di Mahkamah Shah Alam.
- iii) Bagi permohonan perakuan segera di Mahkamah Persekutuan, Timbalan Kanan Pendaftar / Timbalan Pendaftar akan mengendalikan dokumen perakuan segera dan mendapatkan arahan selanjutnya daripada YAA Ketua Hakim Negara.
 - iv) Bagi permohonan perakuan segera di Mahkamah Rayuan, Pendaftar Mahkamah Rayuan / Timbalan Kanan Pendaftar akan mengendalikan dokumen perakuan segera dan mendapatkan arahan selanjutnya daripada YAA Presiden Mahkamah Rayuan.
 - v) Bagi permohonan perakuan segera di Mahkamah Tinggi, Timbalan Pendaftar (Pentadbiran / Pengurus) atau Penolong Kanan Pendaftar (Pentadbiran / Pengurus) akan mengendalikan dokumen perakuan segera dan mendapatkan arahan selanjutnya daripada YA Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman yang bertugas.
 - vi) Bagi permohonan perakuan segera di Mahkamah Sesyen, Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah akan mengendalikan dokumen perakuan segera dan mendapatkan arahan selanjutnya daripada Pengarah Mahkamah Negeri.
 - vii) Pengurusan kes sivil secara eReview akan terus dijalankan seperti biasa secara dalam talian (*online*) manakala pengurusan kes sivil secara manual akan ditangguhkan dan akan diberikan tarikh yang baharu.

c) Pengurusan Kes Bagi Kes-Kes Jenayah di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan

Pengurusan kes jenayah di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan adalah ditangguhkan dan penetapan tarikh baharu akan dimaklumkan kemudian.

d) Pengurusan Kes Bagi Kes-Kes Jenayah di Mahkamah Rendah

i) **Permohonan Reman**

Permohonan untuk tahanan reman di bawah seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah, seksyen 259 Kanun Tatacara Jenayah dan di bawah Akta Imigresen 1959/1963 akan dijalankan seperti biasa mengikut jadual bertugas yang telah ditetapkan.

ii) **Pendaftaran Kes-Kes Baharu**

Jika terdapat keperluan untuk pendaftaran kes baharu, Pegawai Penyiasat hendaklah memaklumkan lebih awal kepada Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret yang bertugas bagi tujuan persediaan oleh mahkamah. Pengarah Mahkamah Negeri hendaklah menyediakan jadual bertugas pegawai dan kakitangan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa. Sesalinan jadual bertugas tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Polis Negeri dan Pengerusi Jawatankuasa Peguam Negeri masing-masing.

iii) **Permohonan Jamin**

Bagi kesalahan yang boleh dijamin, Pengarah Mahkamah Negeri hendaklah memastikan urusan jamin dapat diproses seperti biasa.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA
17 Mac 2020